

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 OKTOBER 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 27

### Ipooh dapat liputan 5G terluas

# Ipooh dapat liputan 5G terluas

Kelajuan liputan 5G di bandar raya itu cecah lebih 1 gigabait sesaat

Oleh NORMAWATI ADNAN  
IPOH

Ipooh menjadi antara bandar raya yang mempunyai liputan 5G terluas bagi kawasan Wilayah Utara dengan capaian kelajuan melebihi 1 gigabait sesaat (Gbps).

Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, perkembangan itu memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi serta membantu melahirkan warga kota celik internet pelbagai benda (IoT) selaras dengan perkembangan teknologi digital.

Menurutnya, setakat ini, struktur 5G telah dipasang di 37 tapak sekitar Ipooh dan sehingga hujung tahun, dijangka sebanyak

106 tapak rangkaian 5G dibina sekitar bandar raya itu.

"Di pusat bandar bandar raya Ipooh ini kita telah mencapai purata kelajuan 5G iaitu 620 megabait sesaat (Mbps). Kadangkala capaian rangkaianya melebihi 1Gbps.

"Ini menjadikan Ipooh antara bandar raya yang mempunyai rangkaian liputan talian 5G terluas di Malaysia ini," katanya pada sidang akbar di sini pada Khamis.

Beliau sebelum itu menyaksikan memorandum persefahaman (MoU) antara Majlis Bandaraya Ipooh (MBI) dengan YTL Communications Sdn Bhd dalam projek liputan rangkaian 5G di bandar raya Ipooh di Dewan Mesyuarat MBI di sini.

Hadir sama, Datuk Bandar Ipooh, Datuk Rumiizi Baharin dan Ketua Pegawai Eksekutif YTL Communications, Lee Wing Kui.

Saarani berkata, Mou itu adalah antara usaha MBI dalam melaksanakan strategi melalui Pelan Tindakan Bandar Pintar



Saarani (tengah) menyaksikan Mou antara MBI dengan YTL Communications Sdn Bhd dan dua lagi syarikat, MTIB dan Perak SADC pada Khamis.

Ipoh 2030 bertujuan memenuhi agenda nasional dan global ke arah Pembangunan Mampan (SDGs) Malaysia sebagai negara pintar.

Bagi perancangan negeri pula katanya, Digital Nasional Berhad (DNB) menyasarkan 476 tapak dibina sehingga 2024 da-

lam usaha memastikan Perak mempunyai liputan 80 peratus rangkaian 5G yang stabil.

"Perkara ini juga antara yang kita beri tumpuan dalam program pembangunan di bawah Pelan Perak Sejahtera 2030.

"Ipooh adalah permulaan dan kita akan memperkasakannya

ke keseluruhan negeri terutama kawasan-kawasan pertumbuhan industri baharu seperti di Manjung, Taiping dan Kuala Kangsar," katanya yang turut mengadakan MoU bersama Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dalam projek pembangunan industri buluh.